



**UCAPAN  
YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PERHIMPUNAN BULANAN KPWKM BIL. 3/2015 DAN  
PENJENAMAAN SEMULA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
9 JUN 2015 (SELASA)  
DEWAN PERDANA NUR, KPWKM**

## **[SALUTATION LIST]**

*Assalaamu`alaikum warahmatullaahi wa barakaatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

### **MUKADIMAH**

1. *Alhamdulillah*, saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya jua dapat kita sama-sama berkumpul pada pagi ini, dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Bilangan 3 Tahun 2015, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Mudah-mudahan Majlis ini akan mendapat keberkatan dan keredaan-Nya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Pertama sekali di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat datang dan selamat bertugas kepada semua warga kerja baharu KPWKM. Saya difahamkan ada di antaranya bertukar ke KPWKM kerana dinaikkan pangkat dan ada pula yang merupakan lantikan baru dalam perkhidmatan awam. Sekalung tahniah buat dan ucapan Selamat datang kepada semua YBhg. Datuk Iskandar Mohd Kaus yang merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Strategik baharu dan selamat memulakan tugas bagi YBrs. Enn. Wee Beng Ee sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Operasi yang baru. Saya berharap agar

tuan-tuan dan puan-puan dapat menyesuaikan diri untuk bersama-sama dengan warga kerja KPWKM sedia ada bagi memperkasakan lagi fungsi dan perkhidmatan KPWKM.

3. Kepada warga KPWKM yang bertukar keluar, terutamanya Yg Bhg. Dato Norsham Rahin, bekas Timbalan Ketua Setiausaha Operasi KPWKM meninggalkan kita memenuhi tuntutan tugas di tempat baru iaitu sebagai Pengarah Bahgia Saraan dan Pencen di Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya mewakili seluruh warga kerja KPWKM mengucapkan terima kasih di atas sumbangan serta khidmat bakti yang telah berikan selama tempoh bertugas di KPWKM. Saya berharap agar pengalaman dan ilmu yang diperoleh sepanjang berkhidmat di KPWKM akan menjadi asas untuk dimanfaatkan di tempat kerja yang baharu atau di mana sahaja tuan-tuan dan puan-puan berkhidmat.

### **Tragedi Gempa Bumi Ranau, Kota Kinabalu, Sabah**

4. Kita semua telah dikhabarkan dengan satu lagi tragedi yang melanda Malaysia iaitu gegaran gempa bumi sekuat 5.9 skala richter berpusat di Ranau berlaku pada 5 Jun 2015 jam 7.15 pagi.

5. Saya melahirkan rasa simpati dan ucapan takziah buat keluarga mangsa yang terkorban dalam tragedi berkenaan terutamanya Malim

Gunung yang banyak berkorban demi keselamatan pengunjung-pengunjung yang lain.

6. Saya memastikan kaunselor yang berdaftar di bawah Kementerian telah ditempatkan di pusat pemindahan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Biro Tatangera (BTN) Kundasang bagi waris atau keluarga mangsa yang memerlukan khidmat kaunseling dan bimbingan dalam mengharungi berita yang menyedihkan ini. Selain itu, bantuan keperluan seperti selimut turut dihantar ke kawasan terjejas.

7. Pihak kementerian juga membuat lawatan ke rumah keluarga mendiang Malim Gunung yang terkorban dalam tragedi yang cukup menyayat hati ini. Turut mengiringi rombongan lawatan adalah kaunselor LPPKN bagi menyediakan khidmat kaunseling kepada keluarga mangsa.

8. Kita juga terus bersiap sedia bagi menghadapi sebarang keperluan bantuan yang mungkin diperlukan dalam masa terdekat ini dan juga di masa akan datang. Saya sendiri insyaAllah akan ke Kota Kinabalu esok untuk menyampaikan bantuan daripada pihak Kementerian.

## **Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) 2016-2020**

9. Perdana Menteri kita, YAB Dato Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah membentangkan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) bagi tempoh pelaksanaan mulai tahun 2016 sehingga tahun 2020 pada 21 Mei 2015 (Jumaat) yang lalu. Perkara ini sedang dibahaskan dan dijangka akan tamat perbahasannya pada 18 Jun 2015 (Khamis). Secara ringkasnya, RMK-11 yang bertemakan 'Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat' ini memberi penekanan terhadap beberapa kumpulan sasar Kementerian, iaitu kanak-kanak, warga emas, wanita dan Orang Kurang Upaya (OKU). RMK-11 ini adalah sebagai pelonjak akhir sebelum Malaysia menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

10. Sehubungan itu saya amat berharap agar semua warga kerja KPWKM bersama-sama menggembleng tenaga bagi menjayakan pelaksanaan RMK-11 ini dengan memastikan agar kesemua kumpulan sasar yang terlibat dengan RMK-11 ini mendapat faedah dan manfaat secara optimum.

## **Pelan Transformasi KPWKM 2014-2018**

11. RMK-11 menggariskan hala tuju baharu bagi membolehkan negara kita mencapai aspirasi menjadi sebuah Negara berpendapatan

tinggi (*high income nation*). Penetapan hala tuju baharu ini merupakan cabaran Kementerian untuk menjajarkan semula sistem penyampaian kita bagi menjayakan aspirasi tersebut. Sehubungan itu, Kementerian telah pun melaksanakan langkah pro-aktif dalam merangka pelan transformasinya bagi meletakkan landasan yang kukuh dan inovatif untuk menghala ke destinasi yang dituju.

12. Kementerian ini telah pun mengenal pasti sebanyak empat puluh tujuh (47) inisiatif, yang dilaksanakan berdasarkan kepada empat pendekatan, iaitu projek berbentuk '*quick wins*', jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Kesemuanya perancangan tersebut adalah merupakan perancangan yang terkandung di bawah Pelan Transformasi KPWKM bagi tempoh pelaksanaan mulai tahun 2014 sehingga tahun 2018.

13. Dari jumlah tersebut, sebanyak dua (2) buah projek telah pun selesai dilaksanakan, iaitu Pusat Sehenti KPWKM (OSC) dan Aturan Kerja Anjal (FWA). Sebanyak tiga puluh tiga (33) buah projek (70.2%) pula masih dalam tindakan pelaksanaan yang merangkumi pelbagai kumpulan sasar. Saya berharap agar kesemua perancangan tersebut mencapai sasaran KPI dan memberi manfaat kepada lapan (8) kumpulan sasar di bawah bidang kuasa Kementerian, iaitu keluarga,

wanita, kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya (OKU), orang papa, mangsa bencana dan pertubuhan sukarela kebajikan.

14. Sebagaimana tuan/puan sedia maklum, projek rintis **FWA Fasa I telah pun dilaksanakan mulai 16 Mac 2015 dan berakhir pada 31 Mei 2015.** Dalam fasa yang lalu seramai sembilan puluh lima (95) orang warga kerja KPWKM telah menyertai FWA ini. Berdasarkan kepada maklum balas awal yang diterima, pelaksanaan FWA KPWKM Fasa I ini telah memberi manfaat kepada warga kerja yang menyertainya. Sehubungan itu, Pengurusan Tertinggi KPWKM telah bersetuju agar projek rintis FWA ini diteruskan dengan **Fasa II mulai 1 Jun 2015 hingga 31 Ogos 2015.**

15. Selain itu, **Pengurusan Tertinggi KPWKM juga turut bersetuju dan meluluskan waktu kerja anjal semasa bulan Ramadhan** kelak. Menerusi kaedah Waktu Bekerja Bulan Ramadan ini, **warga kerja KPWKM dibenarkan untuk bekerja semasa waktu rehat dan pulang sejam lebih awal daripada waktu bekerja anjal (WBB) pilihan sedia ada masing-masing.** Sebagai contoh, mereka yang memilih WP1 akan dibenarkan untuk pulang pada jam 3.30 petang. Saya berharap menerusi kaedah ini, warga kerja yang terlibat akan dapat memanfaatkan sepenuh masa rehat masing-masing

sepanjang bulan Ramadhan ini di samping mengekalkan produktiviti organisasi.

## **Penjenamaan Semula KPWK – Pelancaran Logo dan *Tagline***

### **Korporat Baharu**

16. Sebagai pelengkap kepada transformasi Kementerian ini, sukacita saya melancarkan logo baharu KPWK yang bertemakan sejenis bunga yang dikenali sebagai '*birds of paradise*', dengan *tagline* korporat yang baharu, iaitu 'Keluarga Bahagia, Negara Sejahtera'. Pertukaran logo ini adalah perlambangan semangat baru yang kita akan bawa di mana akan menitikberatkan semua kumpulan sasar bukan sahaja golongan wanita. Dengan logo baharu ini, kewujudan KPWK akan lebih menonjol sebagai Kementerian yang menyentuh semua lapisan masyarakat. Logo baharu ini seakan melambangkan tapak tangan yang menghulurkan harapan kepada kumpulan sasar yang terdiri dari empat (4) warna utama, iaitu jingga, ungu, hijau dan merah. Kementerian dan kesemua jabatan dan agensi di bawahnya merupakan organisasi atau entiti sistem penyampaian yang telah dijajarkan untuk membekalkan perkhidmatan yang berkualiti kepada kumpulan sasar. *Tagline* korporat baharu, iaitu 'Keluarga Bahagia, Negara Sejahtera' pula meletakkan asas kebahagiaan keluarga sebagai komponen terpenting dalam



membentuk negara sejahtera. Ia **selaras dengan penekanan RMK-11 yang bermatlamat untuk meningkatkan Indeks Kesejahteraan Keluarga yang diukur berdasarkan kepada dua puluh tiga (23) indikator di bawah tujuh (7) domain, iaitu antaranya ialah hubungan kekeluargaan, kesihatan dan keselamatan keluarga serta keluarga dan komuniti.** Perincian maksud logo adalah seperti berikut:

- (a) Bunga 'bird of paradise' ini mencerminkan sifat komponen dalam Kementerian yang penuh karisma, penuh harmoni serta dinamik dalam setiap gerak kerja yang dipertanggungjawabkan;
- (b) Kelopak bunga yang pelbagai warna dan berbentuk manusia melambangkan masyarakat majmuk sebagai satu keluarga besar yang ceria di Malaysia dan saling berganding bahu;
- (c) Lapan (8) kelopak bunga kecil menggambarkan lapan (8) golongan sasaran Kementerian serta kelopak besar yang menggambarkan sokongan Kementerian kepada keseluruhan golongan sasaran ini;
- (d) Kelopak ungu bercantum dengan tangkai bunga memberi maksud wanita sebagai tunjang dan akar umbi dalam

sesebuah institusi sama ada keluarga, masyarakat, Kementerian mahupun Negara;

- (e) Jingga sebagai warna utama menggambarkan sokongan kebajikan yang padu berbakti kepada setiap lapisan masyarakat. Warna ini memenuhi hampir separuh logo kerana kebajikan merupakan agenda terbesar Kementerian;
- (f) Ungu melambangkan kewanitaan, cinta dan kasih sayang yang universal;
- (g) Hijau muda membawa makna potensi yang besar yang ada pada generasi baru yang sentiasa perlu digilap; dan
- (h) Merah melambangkan keberanian dan semangat yang utuh yang menjadi tunjang dalam usaha Kementerian memperkasakan seseorang individu, wanita dan seterusnya pembangunan keluarga dan masyarakat.

17. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pereka cipta yang telah berjaya memenangi pertandingan tersebut. Saya berharap **penjenamaan semula KPWKM** ini dapat menyuntik semangat baharu dalam kalangan warga kerja sekalian dan berupaya untuk memacu prestasi Kementerian ke satu tahap yang lebih tinggi.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

**Saya Sayang Keluarga, Ibu dan Bapa Saya**

18. Jelajah Keluarga Bahagia (JKB) 2015 yang bertemakan 'Saya Sayang Keluarga Saya' berhasrat untuk menerapkan sebanyak lima (5) nilai teras keluarga bahagia, iaitu K.A.S.I.H yang diertikan sebagai (K) Kasih sayang, (A) Akhlak, (S) Sihat dan selamat, (I) Ilmu dan (H) Harmoni. Kelima-lima teras ini menjadi tunjang kepada usaha membangunkan potensi dan aspirasi sesebuah keluarga. Tema 'Saya Sayang Keluarga Saya' merupakan satu mesej mudah dan sinonim dengan fitrah kehidupan berkeluarga. Penzahiran kasih sayang terhadap seseorang mampu memberi kesan kepada emosi individu tersebut yang akhirnya menyerlahkan perasaan bahagia.

19. Bagi meraikan ibu dan memberi penghargaan kepada ibu-ibu menerusi aktiviti yang melibatkan mereka, Kementerian telah menyambut Hari Ibu pada 10 Mei 2015 yang lalu, dengan bertemakan 'Saya Sayang Ibu Saya' yang disambut di negeri Terengganu.

20. Tanpa melupakan jasa dan pengorbanan bapa pula, Kementerian juga bakal meraikan Hari Bapa pada bulan Jun 2015 ini dengan bertemakan 'Saya Sayang Bapa Saya' yang akan disambut di D'Aman Jaya Mall, Sungai Petani, Kedah pada 14 Jun 2015. Dalam giat kita berkempen untuk menyayangi ibu dan bapa kita, saya juga

berharap agar setiap ibu bapa perlulah mengambil langkah-langkah yang proaktif dalam mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran keibubapaan (*parenting skills*) masing-masing sebagai persediaan bagi mengupayakan anak-anak untuk menghadapi cabaran kehidupan masa kini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

### **Kejayaan ARF DiREx**

21. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengendalian *ASEAN Regional Forum-Disaster Relief Exercises (ARF DiREx) 2015* bertempat di Timah Tasoh, Perlis pada 24 hingga 28 Mei 2015, yang telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Mohd Yassin. Program berbentuk simulasi menghadapi bencana ini adalah hasil kepengerusian bersama di antara Malaysia dan China. Seramai 360 orang petugas termasuk 150 sukarelawan kebajikan telah berganding bahu dalam memastikan kelancaran program tersebut.

### **Forum for Spouses of ASEAN Heads of State/Government**

22. Sempena dengan Sidang Kemuncak ASEAN ke-26, KPWKM telah menganjurkan *Forum for Spouses of ASEAN Heads of State/Government* bagi pasangan kepada Ketua-Ketua Negara

ASEAN pada 27 April 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Forum yang julung kali diadakan di peringkat ASEAN itu telah menerima sambutan yang memberangsangkan dengan kehadiran seramai empat ratus lima puluh dua (452) orang peserta dari dalam dan luar negara. Ucaptama telah disampaikan oleh YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, isteri kepada Perdana Menteri Malaysia. Forum tersebut telah membincangkan mengenai *social business* yang merupakan satu konsep baharu yang menggunakan model perniagaan yang memaksimumkan keuntungan bagi mengurangkan masalah sosial seperti kemiskinan, akses kepada pendidikan dan kemudahan kesihatan atau alam sekitar. Lebihan keuntungan akan dilaburkan semula untuk digunakan bagi memastikan masyarakat setempat mendapat manfaat yang berterusan.

23. Selain itu, satu program pertunjukan fesyen "*Eleganza: Malaysian Textile*" juga telah diadakan pada 28 April 2015 di Langkawi, Kedah yang turut dihadiri oleh pasangan kepada ketua-ketua negara ASEAN yang hadir semasa Sidang Kemuncak ASEAN tersebut. Tahniah saya ucapkan kepada semua yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan program tersebut.

**ASEAN Regional Workshop on Gender Issues in Climate Change and Its Adaptation**

24. KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) akan menganjurkan satu program di bawah ACW iaitu *ASEAN Regional Workshop on Gender Issues in Climate Change and Its Adaptation* yang akan dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari negara anggota ASEAN dan pegawai-pegawai daripada kementerian/jabatan/agensi berkaitan serta ahli *academia*. Bengkel ini akan diadakan mulai 9 Jun 2015 (Selasa) hingga 11 Jun 2015 (Khamis), bertempat di Langkawi, Kedah. Terdapat sebanyak empat (4) objektif bengkel ini iaitu untuk:

- (a) Menyediakan satu platform bagi negara-negara anggota ASEAN untuk bertukar dan menilai amalan semasa dalam menyesuaikan diri dengan perubahan iklim dalam isu gender;
- (b) Mengenal pasti isu-isu adaptasi perubahan iklim di negara-negara anggota ASEAN;
- (c) Membangunkan strategi dan program baru bagi memastikan penglibatan gender dalam penyesuaian perubahan iklim; dan
- (d) Memperhebatkan kerjasama antara *care providers* terutama Kerajaan dan NGO bagi memastikan kesedaran

mengenai perubahan iklim dan penyesuaian diri dalam kalangan gender.

Hadirin yang dihormati sekalian,

### **Pengiktirafan Antarabangsa**

25. Usaha Kementerian dalam melaksanakan program yang berimpak tinggi bukan sahaja dikenali pada peringkat tempatan malah usaha Kementerian telah berjaya membuka mata dunia bagi pengiktirafan antarabangsa. Sebagai contoh, pengiktirafan yang baru saya terima di Sao Paolo, Brazil iaitu Global Summit Of Women 2015 Ministerial Roundtable Special Projects Award bagi Women Career Comeback Program sempena Global Summit of Women 2015.

26. Tambahan pula, dua (2) produk inovasi JKM telah mendapat pengiktirafan iaitu pingat emas bagi produk TOMEKER dan pingat gangsa bagi produk MOPAR dalam pameran *43rd International Exhibition of Inventions of Geneva, Switzerland* yang telah berlangsung pada 15 hingga 19 April 2015. Tahniah diucapkan kepada JKM atas kedua-dua pengiktirafan tersebut.

27. Untuk makluman semua, TOMEKER, merupakan tongkat pelbagai guna yang boleh ditransformasikan sebagai meja ataupun kerusi dan merupakan inovasi dari Pejabat Kebajikan Masyarakat Seberang Prai Tengah. Manakala MOPAR pula merupakan pemisah

(*partition*) mudah alih yang direka untuk kegunaan di pusat pemindahan semasa berlakunya sesuatu bencana seperti banjir, kebakaran dan gempa bumi yang merupakan hasil inovasi Bahagian Kebajikan Produktif JKM dengan kerjasama dari *Technology Park Malaysia*. Semoga penyertaan pertama kali dalam pameran antarabangsa ini akan membuka ruang dan peluang serta memupuk semangat inovasi dalam kalangan warga kerja KPWKM untuk melangkah lebih luas di arena global.

Hadirin yang dihormati sekalian,

## **PENUTUP**

28. Akhir kata, saya amat berharap agar segala pengiktirafan, pencapaian dan kejayaan yang telah kita kecapai ini, akan meningkatkan lagi prestasi kerja kita untuk menjayakan semua dasar, program dan aktiviti yang telah dirancang, agar sistem penyampaian perkhidmatan (*service delivery system*) kita berupaya melunaskan aspirasi Kerajaan ke arah merakyatkan perkhidmatan awam, selaras dengan slogan gagasan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

29. Selain itu, marilah kita bersama-sama membuktikan bahawa selain memerah keringat menjayakan visi dan misi Kementerian, warga kerja KPWKM turut sama menyokong, mengamalkan dan



melibatkan diri dalam aktiviti serta program kemasyarakatan, bagi mendokong *tagline* korporat baharu Kementerian ini iaitu 'Keluarga Bahagia Negara Sejahtera'.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahit taufik wal hidaayah.*

*Assalaamu'alaikum warahmatullaahi wa barakaatuh.*